

(9)

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10330

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk memasang CCTV di balai polis pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017 dan berapakah CCTV yang masih tidak berfungsi atau rosak serta bilangan balai polis yang belum mempunyai CCTV

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) tidak melibatkan pemasangan di kawasan luar dan dalam di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) atau di balai-balai polis. Pemasangan CCTV hanya melibatkan pemasangan dalam lokap polis dan bilik soal siasat sahaja. Justeru itu, tiada peruntukan yang diluluskan bagi tujuan tersebut.

Berkaitan pemasangan CCTV di lokap-lokap polis dan bilik soal siasat, ketika ini terdapat 414 lokap daripada 730 lokap polis di seluruh negara yang telah dilengkapi dengan CCTV. Baki 316 lokap polis yang tidak dilengkapi dengan CCTV merupakan lokap yang tidak aktif dan tidak digunakan. Sebanyak 4,900 unit kamera telah dipasang di 414 lokap di seluruh negara.

Kos yang terlibat untuk CCTV yang perlu dibaikpulih, pasang baru dan sewaan bagi lokap-lokap aktif dan bilik soal siasat adalah sebanyak RM6.3 juta. Kos ini tidak termasuk kos pembaikan kecil dan kontrak penyelenggaraan yang dibelanjakan oleh kontinjen-kontinjen melalui Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) masing-masing.